



Headline	SPR kemuka senarai kepada Mimos		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	8	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	ASWANY OMAR	AdValue	RM 1,062
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,246



SPR kemuka senarai kepada Mimos

ASWANY OMAR

KUANTAN – Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) semalam memaklumkan pihaknya sudah mengemukakan senarai 12.4 juta pengundi berdaftar kepada Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (Mimos) bagi tujuan pembersihan daftar pemilih.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, senarai itu dihantar akhir tahun lalu tetapi tidak menetapkan tempoh siap pembersihan itu.

Pembersihan senarai itu, katanya adalah antara 10 cadangan daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Pilihan Raya (PSC)

“Kita tidak memberikan



ABDUL AZIZ

tempoh tertentu tetapi berharap senarai itu dapat dihantar sebelum laporan awal dihantar ke Parlimen,” katanya selepas menghadiri Majlis Taklimat kepada Pegawai Pengurus dan Penolong Pegawai Pengurus

Peringkat Negeri Pahang di Kuantan, semalam.

SPR turut bersetuju melaksanakan enam lagi cadangan termasuk penggunaan dakwat kekal, pengundian awal anggota polis dan tentera, tempoh pameran Rang Daftar pemilih selama 14 hari, dan pemansuhan proses pencalonan dan tempoh penarikan pencalonan.

Beliau berkata, tiga lagi cadangan PSC masih dalam kajian SPR ialah berkaitan pengundi luar kawasan, pertukaran kawasan pendaftar dan pengundi tidak hadir luar negara.

Abdul Aziz turut memaklumkan mengenai kesilapan pengisian Borang A oleh Penolong Pendaftar Pemilih

INFO

SPR menamatkan perkhidmatan:

- 198 - Penolong Pendaftar Pemilih.
- 90- Diberi amaran kerana kesilapan mendaftarkan pemilih mengikut alamat tidak wujud, menggunakan alamat terlalu umum dan mendaftarkan pemilih yang belum cukup umur.

(PPP) menyusahkan suruhanjaya itu.

Justeru, SPR terpaksa menamatkan pelantikan 198 PPP dan 90 lagi diberi amaran.